

JENIS-JENIS KERJA PENYELENGGARAAN DI BANGUNAN PEJABAT

WONG TECK ING

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MAY, 2008

ABSTRAK

Penyelenggaraan bangunan yang terancang dan berterusan dapat menjaga kualiti dan prestasi bangunan. Walau bagaimanapun, masih ramai pihak yang kurang memberi perhatian dalam bidang penyelenggaraan bangunan ini memandangkan peruntukan untuk kerja-kerja ini lazimnya pada tahap yang minimum. Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti jenis-jenis kerja penyelenggaraan di bangunan pejabat yang dimiliki oleh sektor swasta dan awam. Ini diikuti pula, objekif kedua iaitu mengenalpasti langkah-langkah yang boleh diambil agar kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilaksanakan. 30 maklum balas yang terdiri daripada 15 responden sektor swasta dan 15 responden sektor awam dianalisis. Kaedah skil pemeringkat likert dan peratusan diguna untuk menganalisis data. Hasil kajian menunjukkan bahawa sektor swasta dan awam menjalankan jenis-jenis kerja penyelenggaraan yang sama untuk struktur bangunan, kemasan bangunan, landskap bangunan dan kemudahan bangunan. Untuk memastikan kerja penyelenggaraan dilaksanakan, polisi penyelenggaraan hendaklah jelas dan menyeluruh. Jadual pemeriksaan kerja penyelenggaraan juga perlu disediakan untuk pihak atasan atau bawahan untuk memudahkan kerja pemeriksaan

ABSTRACT

A well-planned and continuous maintenance can help to maintain a building quality and performance. However, there is still lack of attention given by many building maintenance parties. The consideration of maintenance works allocation is generally at the minimum level. The main objective of this research is to identify the types of maintenance work carried out at the office building owned by private and public sector. This is followed by the second objective to identify the steps that could be taken to make sure that the maintenance work is carried out. 30 feedbacks provided by 15 respondents from private sector and another 15 respondents from public sectors. Likert scaling method and percentage are used to analyse the collected data. The result of this research shows that both private and public sector do the same kind of maintenance works which are building structure, building finishes, building landscape, and building services. In order to make sure that the maintenance work is carried out, organisation must have a clear and comprehensive maintenance policy. Apart from that, schedule of inspection should be provided to the top management or their inferior so that the building investigation can be carried out smoothly.